

Ambilan Giliran Bertutur dalam Bual Bicara Radio IKIMFM

Turn-Taking in Radio Talks of IKIMFM

NUR AMIRAH BINTI CHE SOH

ABSTRAK

Ambilan giliran bertutur merupakan pergantian yang berlaku dalam kalangan peserta perbualan. Setiap perbualan berlaku secara semula jadi dan tanpa sebarang skrip ataupun perancangan giliran. Oleh itu, kajian ini akan membincangkan ambilan giliran bertutur dalam bual bicara radio dengan memilih data perbualan menerusi radio. Radio IKIMfm merupakan salah satu radio yang berdaftar dengan SKMM dan menggunakan 95% bahasa Melayu sebagai medium penyampaian. Radio berkonsepkan islamik menyajikan beberapa segmen rancangan seperti Warna Pagi, Aspirasi, Destinasi dan Ekspresi. Sebahagian besar slot dalam radio IKIMfm ini berbentuk bual bicara interaktif yang melibatkan tanya jawab dalam perbualan. Tanya jawab ini yang menyebabkan berlakunya ambilan giliran bertutur dalam kalangan peserta bual bicara. Oleh hal yang demikian, kajian ini akan diuraikan berdasarkan objektif kajian, iaitu mengenal pasti ambilan giliran bertutur dalam bual bicara radio IKIMfm. Perbincangan akan dilakukan berfokuskan pada slot Keajaiban Berlapar menerusi Usrah Nurani segmen Destinasi dengan memanfaatkan Teori Pengambilan Giliran yang dipelopori oleh Sacks, Schegloff dan Jefferson (1974) dan dikemukakan semula oleh Liddicoat (2011). Liddicoat (2011) telah menggariskan tiga aturan ambilan giliran, iaitu penutur semasa memilih penutur berikutnya, pemilihan diri sendiri sebagai penutur berikutnya dan penutur semasa meneruskan perbualan. Hasil dapatan kajian mendapati ketiga-tiga peraturan pengambilan giliran yang dikemukakan dalam Teori Pengambilan Giliran oleh Liddicoat (2011) berlaku dalam kalangan peserta bual bicara radio slot Keajaiban Berlapar, Usrah Nurani. Secara keseluruhannya, kajian ini membincangkan ambilan giliran bertutur yang berlaku dalam bual bicara radio yang menunjukkan bahawa kepentingan ilmu pengambilan giliran semasa berbual.

Kata kunci: Giliran bertutur; radio; perbualan; peserta perbualan; bual bicara

ABSTRACT

Turn taking is a common incidence among conversation participants. Every conversation takes place naturally and without any script or turn-taking planning. Therefore, this study will discuss turn taking in radio talk by selecting conversation from radio. Radio IKIMfm registered with the SKMM and with 95% of the Malay language as the medium of delivery. Islamic concept radio presents segments such as Warna Pagi, Aspirasi, Destinasi and Ekspresi. Most slots in IKIMfm radio are interactive talk that involves questions and answers in a conversation. Question and answers cause the turn-taking among the conversation participants. Therefore, this study will be based on the objective, to identify the turn-taking in IKIMfm. The discussion will be focused on the Keajaiban Berlapar, Usrah Nurani segment using Turn-Taking Theory, pioneered by Sacks, Schegloff and Jefferson (1974) and republished by Liddicoat (2011). Liddicoat (2011) outlined three turn taking rules, current speakers choosing the next speakers, the self-selection as the next speakers and current speakers continuing the conversation. The findings of the study found that three rules of turn-taking by Liddicoat (2011) occurred among Usrah Nurani's participants. Overall, this study discusses turn-taking occurs in radio talk shows about the importance of turn-taking knowledge during the talk.

Keywords: Turn taking; radio; conversation; conversation participants; talk show

PENGENALAN

Bual bicara radio merujuk pada perbualan yang berlaku secara semula jadi tanpa bantuan skrip atau teks. Dalam bual bicara radio, berlakunya tanya

jawab secara spontan yang hanya berdasarkan apa yang ingin diujarkan oleh peserta perbualan. Ujaran yang diujarkan oleh peserta perbualan tidak terancang secara dan lahir secara semula jadi. Bual bicara radio ini juga mempunyai persamaan dengan

bual bicara menerusi televisyen. Seperti mana kenyataan Ädel & Reppen (2008:192) di bawah, bual bicara radio juga mempunyai ciri-ciri yang sama dengan bual bicara menerusi televisyen.

TELEVISION DIALOGUE AS A SURROGATE FOR NATURAL CONVERSATION

Slot *Usrah Nurani* menerusi segmen *Destinasi* yang disiarkan pada setiap hari Jumaat akan dijadikan sebagai data dalam kajian ini. Slot bual bicara radio dalam segmen *Destinasi* ini disiarkan selama hampir satu jam pada setiap petang Jumaat. Perbualan dalam slot ini yang melibatkan empat orang peserta sahaja akan dipilih, iaitu dua lelaki dan dua perempuan termasuk penyampai radio dan ustaz selaku naqib. Pemilihan slot *Usrah Nurani* sebagai data kajian kerana bual bicara menerusi slot ini bersifat interaktif dan berinformasi. Tambahan lagi, bual bicara ini juga memberikan input yang berguna melalui perbincangan isu semasa daripada sudut ilmu agama kerana adanya pandangan daripada peserta perbualan yang mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut.

KAJIAN PUSTAKAAN

Giliran bertutur yang berlaku dalam bual bicara radio akan dihuraikan berdasarkan aturan pengambilan giliran oleh Liddicoat (2011). Aturan pengambilan giliran bertutur yang dipatuhi oleh peserta perbualan membantu kelancaran proses tanya jawab yang berlaku dalam bual bicara radio. Kesemua komponen aturan tersebut secara tidak langsung berlaku menerusi bual bicara radio yang spontan dalam kalangan peserta perbualan. Kepatuhan peserta perbualan yang berlaku secara tidak langsung menunjukkan bahawa bual bicara radio mempunyai struktur yang tersendiri mengikut kesesuaian konteks perbualan. Konteks perbualan ditentukan berdasarkan matlamat bual bicara untuk menyampaikan sesuatu mesej. Begitu juga bual bicara *Usrah Nurani* dalam segmen *Destinasi* terbitan IKIMfm berorientasikan perbincangan yang bermatlamatkan dakwah secara santai. Dakwah secara santai ini disampaikan melalui topik perbualan yang telah ditetapkan oleh penerbit rancangan. Dengan adanya topik perbualan yang telah ditetapkan maka bual bicara dalam slot ini boleh disifatkan mempunyai matlamat yang khusus (*specific goal-oriented*) yang menyebabkan

perbualan hanya dibataskan kepada sesuatu yang khusus (*special constrains*) dan menjurus kepada konteks institusi (*special institutional context*) (Drew & Heritage 2008:224-225). Dalam hal ini, bual bicara *Usrah Nurani*, bermatlamatkan dakwah yang melibatkan hal-hal berkaitan keagamaan dan dibataskan dengan topik perbualan bagi menjadikan bual bicara lebih menjurus dan khusus yang seterusnya selaras dengan institusi yang menyampaikan mesej tertentu. Objektif kertas kerja ini akan mengenal pasti dan membincangkan ambilan giliran bertutur yang berlaku dalam bual bicara radio, slot *Keajaiban Berlapar*, *Usrah Nurani* terbitan IKIMfm.

D. Anggrayni, Badrul Redzuan Abu Hassan & Chang (2018) telah mengkaji strategi komunikasi dalam program siaran interaktif, namun perbincangan lebih menjurus pada elemen-elemen asas dalam penerbitan sesebuah rancangan dalam radio. Kajian beliau lebih menjurus kepada strategi yang digunakan oleh penerbit dan pengacara radio dalam menjayakan sebuah program bual bicara. Manakala N. Saraswati & W. Hamsia (2017) telah mengkaji pengambilan giliran dalam bual bicara radio. Walau bagaimanapun, tumpuan kajian hanyalah terhadap ketiga-tiga sistem pengambilan giliran dan pengkaji hanya menghuraikan setiap sistem yang terlibat tanpa menyentuh ciri perbualan seperti celahan, pertindihan, pasangan berdampingan, maklum balas minimal dan gangguan. Seterusnya, kajian oleh Nur Adiba Hasan & Sharifah Raihan Syed Jaafar (2017) menumpukan pada aspek kata terbitan dalam bual bicara radio. Walaupun data yang digunakan ialah bual bicara radio, namun tumpuan kajian hanyalah terhadap bidang lain, iaitu fonetik dan tatabahasa. Ketiga-tiga kajian ini, masih belum menjelaskan aspek pengambilan giliran secara menyeluruh dengan mengambil kira ciri perbualan dalam bual bicara radio seperti celahan, maklum balas minimal, pertindihan, gangguan dan pasangan berdampingan. Oleh itu, kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan membincangkan ambilan giliran bertutur yang berlaku dalam bual bicara radio.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini akan membincangkan ambilan giliran bertutur dalam bual bicara radio dengan memilih data perbualan menerusi radio. Radio IKIMfm merupakan salah satu radio yang berdaftar dengan SKMM dan menggunakan 95% bahasa Melayu

sebagai medium penyampaian. Radio berkonsepkan islamik menyajikan beberapa segmen rancangan seperti Warna Pagi, Aspirasi, Destinasi dan Ekspresi. Sebahagian besar slot dalam radio IKIMfm ini berbentuk bual bicara interaktif yang melibatkan tanya jawab dalam perbualan. Tanya jawab ini yang menyebabkan berlakunya ambilan giliran bertutur dalam kalangan peserta bual bicara. Oleh hal yang demikian, kajian ini dihuraikan berdasarkan objektif kajian, iaitu mengenal pasti ambilan giliran bertutur dalam bual bicara radio IKIMfm. Perbincangan dilakukan berfokuskan pada slot Keajaiban Berlapar menerusi Usrah Nurani segmen Destinasi dengan memanfaatkan Teori Pengambilan Giliran yang dipelopori oleh Sacks, Schegloff dan Jefferson (1974) dan dikemukakan semula oleh Liddicoat (2011). Liddicoat (2011) telah menggariskan tiga aturan ambilan giliran, iaitu penutur semasa memilih penutur berikutnya, pemilihan diri sendiri sebagai penutur berikutnya dan penutur semasa meneruskan perbualan.

ANALISIS DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bual bicara radio slot *Keajaiban Berlapar*, *Usrah Nurani* yang disiarkan menerusi IKIMfm menunjukkan berlakunya giliran bertutur di antara peserta perbualan. Peserta perbualan yang terlibat dalam bual bicara *Keajaiban Berlapar*, *Usrah Nurani* ialah Ustaz Zulramli M. Razali (seterusnya UZ), penyampai radio Siti Rohani Surani (seterusnya DJS), Noor Neelofa (seterusnya N) dan Encik Rifdi (seterusnya ER). Giliran bertutur merupakan lakuhan bahasa yang berlaku dalam setiap bual bicara kerana adanya tanya jawab. Teori Pengambilan Giliran bertutur yang dianjurkan oleh Liddicoat (2011) iaitu, penutur semasa memilih penutur berikutnya, pemilihan diri sendiri sebagai penutur berikutnya dan penutur semasa meneruskan perbualan apabila tiada peserta perbualan lain mengambil giliran bertutur. Ketiga-tiga sistem ambilan giliran ini berlaku dalam bual bicara slot *Keajaiban Berlapar*, *Usrah*

Nurani. Oleh hal yang demikian, perbincangan akan dibahagikan mengikut sistem ambilan giliran yang telah dinyatakan.

PENUTUR SEMASA MEMILIH PENUTUR BERIKUTNYA

Ambilan giliran bertutur boleh berlaku dengan cara penutur semasa memilih penutur berikutnya. Pemilihan penutur berikutnya ini membolehkan tanya jawab dalam bual bicara yang berlaku lebih lancar kerana setiap peserta perbualan sudah sedia maklum peserta perbualan yang mana akan meneruskan giliran bertutur berikutnya. Apabila penutur semasa memilih penutur berikutnya, maka mana-mana peserta perbualan yang dipilih berhak untuk meneruskan giliran bertutur. Bagi membincangkan pemilihan penutur berikutnya secara pilihan oleh penutur semasa maka pengkaji telah mendapati empat jenis cara ambilan giliran bertutur yang berlaku dalam bual bicara radio slot *Keajaiban Berlapar*, *Usrah Nurani*, iaitu menamakan penutur berikutnya, tanpa menamakan penutur berikutnya, ambilan giliran dan celahan menyokong.

MENAMAKAN PENUTUR BERIKUTNYA

Penutur semasa yang sedang bercakap boleh memberikan giliran bertutur kepada mana-mana peserta perbualan yang terlibat sama dalam bual bicara. Salah satu cara untuk memilih penutur berikutnya dengan menyebut nama penutur berikutnya sebelum penutur semasa menamatkan ujaran. Cara menamakan penutur berikutnya yang paling dominan dalam bual bicara radio kerana dengan pilihan penutur berikutnya secara memanggil nama lebih jelas dan tepat. Maka penutur berikutnya yang dipilih berhak untuk mengambil giliran bertutur setelah penutur semasa berhenti bercakap. Pengambilan giliran secara terus ini juga mengurangkan masa kesenjangan yang berlaku semasa pergantian giliran bertutur.

JADUAL 1. Data Perbualan Peserta Semasa Memilih Penutur Berikutnya dengan Cara Menamakan Penutur Berikutnya Slot *Usrah Nurani*, *Keajaiban Berlapar*

<i>Keajaiban Berlapar</i>	Data Perbualan	Ambilan Giliran Bertutur
Data perbualan 1	DJS:Assalamualaikum ustaz. UZ: <Wa'alaikumussalam.	DJS menamakan UZ sebagai penutur berikutnya (00.16)
		UZ mengambil giliran bertutur (00.53)

Data perbualan 1 dalam Jadual 1 di atas menunjukkan pemilihan penutur berikutnya oleh penutur semasa dengan cara menamakan penutur. Data perbualan 1 menunjukkan bahawa DJS selaku penutur semasa telah menamakan UZ sebagai penutur berikutnya dengan memberi salam kepada UZ. Pemberian salam dengan menyapa UZ dengan panggilan ustaz secara tidak langsung menunjukkan bahawa giliran bertutur seterusnya ditujukan kepada UZ sahaja. Oleh hal yang demikian, UZ berhak untuk mengambil giliran bertutur tersebut sebaik sahaja DJS menamatkan ujarannya. Cara menamakan penutur berikutnya oleh DJS menggunakan pasangan berdampingan, iaitu penutur berikutnya sudah pun mempunyai jawapan terhadap pertanyaan soalan oleh penutur semasa dan membolehkan ambilan giliran bertutur

dilakukan secara langsung. Hal ini selaras dengan kenyataan Ahmad Mahmood Musanif dan Arbak Othman (2008:311) yang mengatakan bahawa jenis ujaran ucapan selamat merupakan salah satu pasangan berdampingan yang apabila seseorang mengucapkan selamat dapat mendorong balasan pada ucapan selamat tersebut.

TANPA MENAMAKAN PENUTUR BERIKUTNYA

Selain menamakan penutur, dalam bual bicara radio terdapat juga pengambilan giliran yang dilakukan tanpa menamakan penutur berikutnya. Dalam situasi ini, penutur semasa hanya menyatakan ciri-ciri penutur berikutnya atau membuat kenyataan yang berhubung kait dengan penutur berikutnya.

JADUAL 2. Data Perbualan Penutur Semasa Memilih Penutur Berikutnya dengan Cara Tanpa Menamakan Penutur Berikutnya Slot *Usrah Nurani, Keajaiban Berlapar*

<i>Keajaiban Berlapar</i>	Data Perbualan	Ambilan Giliran Bertutur
Data perbualan 2	UZ: ...satu perkongsian yang, saya harap rakan-rakan usrah yang ada bersama dengan kita, tak kira ya, Alhamdulillah lofa, kalau kita dapat <i>feedback</i> masya-Allah daripada <i>Europe</i> ↓ DJS: Jap lagi kita cakap	UZ meminta respons daripada DJS sebagai penutur berikutnya (37:14)
		DJS mengambil giliran bertutur (37:40)

Menerusi Jadual 2 di atas, data perbualan 2 menunjukkan bahawa UZ menggunakan cara meminta respons daripada peserta perbualan berkenaan soalan daripada media sosial, iaitu *Facebook*. Dalam situasi ini, soalan yang diutarakan oleh pendengar radio hanya dikendalikan oleh penyampai radio dan ini secara tidak langsung ujaran tersebut merujuk kepada DJS. DJS yang menyedari akan pemberian giliran bertutur oleh UZ secara terus mengambil giliran bertutur tersebut dengan memberi maklum balas bahawa akan membacakan soalan tersebut selepas beberapa minit. Pergantian giliran bertutur ini jelas menunjukkan bahawa peserta perbualan tetap dalam bual bicara radio sedia maklum akan peranan masing-masing dalam memastikan kelancaran bual bicara. Tambahan lagi, ujaran UZ juga menunjukkan tanda penurunan nada suara yang ditandai dengan simbol ↓ pada akhir ujarannya. Selain penurunan nada suara, penggunaan perkataan *masya-Allah* juga sebagai petanda bahawa penutur semasa berniat untuk menamatkan giliran bertutur yang dimilikinya. Perkataan *masya-Allah* bermaksud dengan kehendak Allah seperti mana yang dinyatakan oleh Muhammad Ibn Abi Bakr Ibn Qayyim al-Jawziyah (2005:159). Oleh hal yang

demikian, berdasarkan ujaran UZ, UZ mengharapkan bahawa soalan yang diutarakan daripada pendengar dari *Europe* akan berlaku sebagaimana yang Allah inginkan.

AMBILAN GILIRAN

Ambilan giliran dalam bahagian ini merujuk kepada ambilan giliran bertutur yang dilakukan oleh peserta perbualan daripada pemilihan penutur semasa sama ada secara menamakan penutur berikutnya atau tanpa menamakan penutur berikutnya. Jadual 3 menunjukkan ambilan giliran yang dilakukan oleh peserta perbualan menerusi slot *Keajaiban Berlapar*. Data perbualan 3 dalam Jadual 3 menunjukkan DJS telah memilih N sebagai penutur berikutnya dengan cara menamakan penutur berikutnya. DJS selaku penutur semasa telah menamakan N dengan bertanyakan soalan kemudian diikuti dengan nama N selaku penutur berikutnya. Apabila DJS bertindak bertanyakan soalan dengan disertai dengan nama N, maka soalan tersebut hanyalah merujuk kepada N dan hanya N sahaja yang boleh menjawab persoalan tersebut. Persoalan yang diajukan oleh DJS juga merupakan soalan yang berhubung kait

JADUAL 3. Data Perbualan Penutur Berikutnya Mengambil Giliran daripada Penutur Semasa Slot Usrah Nurani, Keajaiban Berlapar

<i>Keajaiban Berlapar</i>	Data Perbualan	Ambilan Giliran Bertutur
Data perbualan 3	<p>DJS: Baik, terima kasih. Baik N, semua tahu kerjaya sebagai pengacara, berlakon, sekarang tengah buat apa N?</p> <p>(07:15)</p> <p>N: Sekarang lofa sebenarnya lofa kosongkan jadual N mengambil giliran bertutur Ramadhan hanya untuk.....</p> <p>(07:29)</p>	DJS menamakan N sebagai penutur berikutnya

dengan kerjaya N dan situasi ini membantu N untuk menjawab persoalan tanpa perlu berfikir panjang serta memerlukan fakta sebagai sokongan. Pertanyaan soalan dengan panggilan nama ini secara tidak langsung menidakkannya hak peserta perbualan yang lain untuk mengambil giliran bertutur. Peserta perbualan lain yang menyedari akan DJS telah menamakan N sebagai penutur berikutnya memilih untuk memberi laluan kepada N untuk mengambil giliran bertutur merupakan salah satu cara yang membantu kelancaran proses bual bicara.

CELAHAN MENYOKONG

Celahan merupakan salah satu cara penutur berikutnya mengambil giliran bertutur apabila penutur semasa menyerahkan giliran bertutur yang dimilikinya. Celahan menyokong berlaku

apabila penutur berikutnya hanya mengambil giliran bertutur secara seketika dengan unit pengambilan giliran yang cukup ringkas. Oleh itu, celahan menyokong yang akan dibincangkan dalam bahagian ini ialah berfokuskan kepada celahan yang dilakukan oleh penutur berikutnya semasa mengambil giliran bertutur yang diberikan oleh penutur semasa dengan cara menamakan penutur berikutnya atau tanpa menamakan penutur berikutnya. Jadual 4 menunjukkan salah satu data perbualan celahan menyokong yang dilakukan oleh DJS dalam slot Keajaiban Berlapar. Data perbualan 4 dalam Jadual 4 memaparkan DJS telah mengambil giliran bertutur secara celahan menyokong apabila UZ menamakannya sebagai penutur berikutnya. UZ selaku penutur semasa telah menamakan DJS sebagai penutur berikutnya dengan menyebut nama DJS dalam ujarannya. UZ juga telah mengajukan

JADUAL 4. Data Perbualan Celahan Menyokong Slot Usrah Nurani, Keajaiban Berlapar

<i>Keajaiban Berlapar</i>	Data Perbualan	Ambilan Giliran Bertutur
Data perbualan 4	<p>UZ:kebetulan ada N yang saya rasa kita nak kongsi lebih, lebih daripada itu tetapi insya-Allah tak lari DJS (DJS: iya) daripada tajuk kita insya-Allah tadi apa maksudnya</p> <p>(09:35)</p> <p>DJS: /Betul/</p>	<p>UZ menamakan DJS sebagai penutur berikutnya</p> <p>DJS mengambil giliran bertutur dengan celahan yang menyokong</p> <p>(10:26)</p>

soalan kepada DJS yang secara tidak langsung membuka peluang kepada DJS untuk mengambil giliran bertutur. Dalam situasi perbualan ini, UZ telah mengemukakan soalan yang bukannya bersifat pertanyaan tertutup, namun DJS menjawab persoalan berikut dengan celahan yang menyokong sahaja tanpa menjelaskan maksud seperti mana yang diminta oleh UZ. Pertanyaan tertutup menurut Asmah Haji Omar (2010:27) ialah pertanyaan yang mempunyai nilai benar (truth value) dan memerlukan jawapan ya atau tidak, benar atau tidak, betul atau salah, boleh atau tidak boleh dan sebagainya. Berdasarkan kenyataan Asmah, jelas menunjukkan bahawa soalan yang diajukan oleh UZ sebenarnya bukan bertujuan untuk meminta kebenaran tetapi meminta

penjelasan daripada DJS. Selain itu, terdapat juga 2 kali penanda insya-Allah apabila UZ berniat untuk menamatkan giliran bertutur dan menyerahkannya kepada DJS. Namun DJS telah mengambil giliran bertutur dengan celahan menyokong berbanding ambilan giliran yang sepatutnya dilakukan bagi memenuhi permintaan UZ supaya menerangkan maksud topik perbincangan bual bicara.

PEMILIHAN DIRI SENDIRI SEBAGAI PENUTUR BERIKUTNYA

Pengambilan giliran bertutur secara pemilihan diri sendiri ini berlaku secara langsung tanpa melibatkan penutur semasa. Peserta perbualan yang cenderung

untuk bercakap akan kerap membuat ambilan giliran bertutur secara pemilihan diri sendiri berbanding menunggu penutur semasa menyerahkan giliran bertutur kepadanya. Oleh itu, bahagian ini akan membincangkan pemilihan diri sendiri sebagai penutur berikutnya secara ambilan giliran dan celahan menyokong.

AMBILAN GILIRAN

Ambilan giliran bertutur dalam bahagian ini berbeza dengan ambilan giliran bertutur yang dibincangkan sebelumnya. Ambilan giliran yang akan dibincangkan dalam bahagian ini secara

khususnya terhadap ambilan giliran bertutur yang dilakukan oleh peserta perbualan dengan niat untuk mengambil giliran dalam bual bicara tanpa dipilih oleh penutur semasa. Oleh itu, ambilan giliran ketika penutur semasa sedang berbicara akan diambil kira dalam bahagian ini. Hal ini kerana, dalam bual bicara radio peserta perbualan mengambil giliran dengan niat untuk memiliki giliran bertutur dalam bual bicara. Jadual 5 menunjukkan data perbualan yang berlaku dalam kalangan peserta perbualan secara pemilihan diri sendiri. Data perbualan 5 dalam Jadual 5 menunjukkan bahawa UZ telah mengambil giliran bertutur apabila penutur berikutnya yang dipilih oleh DJS tidak mengambil giliran bertutur

JADUAL 5. Data Perbualan Pemilihan Diri Sendiri sebagai Penutur Berikutnya
Ambilan Giliran Slot *Usrah Nurani, Keajaiban Berlapar*

Keajaiban Berlapar	Data Perbualan	Ambilan Giliran Bertutur
Data perbualan 5	DJS:okey meriah sangat, ada <i>cameramannya</i> , ada <i>photografernya</i> , ni petang ni, baik meriah kita, mungkin di sebelah ustaz tu, ustaz kita perkenalkan tetamu kita, taa'aruf okey, silakan//	DJS menyatakan ciri-ciri penutur berikutnya (06:24)
	UZ: [Okey, kita mulalah, insya-Allah dengan usrah kita dengan setiap orang yang ada di sini biasanya berkenal-kenalan, supaya insya-Allah rakan....	UZ mengambil giliran bertutur dan meneruskan bual bicara (06:42)

yang diserahkan. Dalam situasi tersebut, DJS selaku penutur semasa telah menyatakan ciri-ciri penutur berikutnya supaya peserta perbualan yang berada di sebelah UZ mengambil giliran bertutur. Dalam situasi ini, DJS selaku penutur semasa telah pun memilih penutur berikutnya dengan cara tanpa menamakan penutur berikutnya dengan ujaran *mungkin di sebelah ustaz tu*. Ujaran DJS secara tidak langsung merujuk kepada peserta perbualan yang berada di sebelah UZ supaya mengambil giliran bertutur sebaik sahaja DJS menamatkan ujarannya. Walau bagaimanapun, UZ telah bertindak mengambil giliran bertutur sebaik sahaja selepas DJS menamatkan ujarannya dan menyebabkan peserta perbualan yang sepatutnya mengambil giliran bertutur tidak memiliki giliran tersebut. UZ telah mengambil giliran tersebut secara pemilihan diri sendiri dan bukannya oleh penutur semasa, iaitu DJS. Tindakan sedemikian oleh UZ mungkin disebabkan oleh ujaran selepas *mungkin di sebelah ustaz tu* ialah *ustaz kita perkenalkan tetamu kita* yang seolah-olah DJS meminta persetujuan UZ untuk memperkenalkan tetamu jemputan. UZ yang menyedari akan perkara tersebut telah mengambil giliran secara pemilihan diri sendiri dengan menyokong ujaran DJS supaya peserta

perbualan yang terdiri daripada tetamu jemputan memperkenalkan diri. Oleh hal yang demikian, UZ mengambil giliran bertutur secara memilih diri sendiri sebaik sahaja DJS menamatkan ujarannya adalah untuk memberikan ujaran sokongan kepada penutur semasa yang sedang bercakap.

CELAHAN MENYOKONG

Celahan menyokong ini juga berbeza dengan ambilan giliran bertutur yang dibincangkan sebelumnya kerana sifat celahan hanya seketika berbanding ambilan giliran yang secara terus menafikan hak penutur semasa untuk meneruskan perbualan. Namun celahan hanya bersifat sementara dengan tujuan untuk menyerahkan semula giliran bertutur kepada penutur semasa. Jadual 6 menunjukkan data perbualan celahan menyokong secara pemilihan diri sendiri yang berlaku dalam slot *Keajaiban Berlapar*. Data perbualan 6 menunjukkan DJS telah membuat celahan bersifat bantuan apabila UZ selaku penutur semasa telah kehilangan idea. UZ selaku penutur semasa telah kehilangan idea apabila ingin menyampaikan maklumat berkenaan dengan topik perbincangan. Ujaran terakhir UZ

JADUAL 6. Data Perbualan Pemilihan Diri Sendiri sebagai Penutur Berikutnya dengan Cara Celahan Menyokong Slot *Usrah Nurani, Keajaiban Berlapar*

<i>Keajaiban Berlapar</i>	Data Perbualan	Ambilan Giliran Bertutur
Data perbualan 6	<p>UZ: Dan :::: sebagai, sebelum kita pergi pada ta'ruf ya (DJS: iya) taruf bersama-sama ini insya-Allah (DJS: ehem) ::::, marilah pada kita dah masuk hari yang ke ↓ :::</p> <p style="text-align: right;">(03:08)</p> <p>DJS: /Enam/</p>	<p>UZ selaku penutur semasa telah kehilangan idea DJS membuat celahan bersifat bantuan (03:19)</p>

selaku penutur semasa menunjukkan berlakunya nada menurun dan juga kepanjangan fonem yang ditandai dengan simbol ↓ dan :::: Kedua-dua simbol ini seringkali dapat dilihat di akhir ujaran penutur semasa apabila penutur semasa berniat untuk menamatkan gilirannya dan menyerahkan kepada peserta perbualan yang lain. Namun, bagi peserta perbualan yang tidak berniat untuk menamatkan gilirannya, kedua-dua unsur ini berlaku disebabkan penutur semasa tidak dapat lagi meneruskan bual bicara. Dalam situasi ini, UZ telah kehilangan idea dan DJS selaku peserta perbualan telah membuat celahan bersifat bantuan bagi membantu UZ dengan memberikan sumber maklumat tersebut agar UZ dapat menggunakan bagaimana bagi meneruskan bual bicara.

PENUTUR SEMASA MENERUSKAN PERBUALAN

Penutur semasa meneruskan perbualan dalam slot *Keajaiban Berlapar, Usrah Nurani* apabila tiada mana-mana peserta perbualan yang mengambil giliran bertutur. Menerusi slot *Keajaiban Berlapar*,

Usrah Nurani terdapat beberapa kali situasi di mana penutur semasa terpaksa meneruskan giliran bertutur apabila penutur berikutnya tidak bersedia untuk mengambil giliran bertutur yang diberikan. Bagi memastikan kelancaran dalam perbualan, penutur semasa harus memainkan peranan dengan menyambung ujaran sedia ada atau mengubah pada sudut perbincangan yang lain tetapi tetap berfokuskan topik perbincangan tersebut. Oleh itu, bahagian ini hanya akan membincangkan ambilan giliran yang berlaku oleh penutur semasa yang meneruskan perbualan apabila tiada peserta perbualan lain mengambil giliran bertutur berikutnya. Data perbualan 7 dalam Jadual 7 menunjukkan bahawa DJS selaku penutur semasa telah menamakan UZ sebagai penutur berikutnya. Apabila DJS bertindak menamakan UZ sebagai penutur berikutnya, UZ berhak memiliki giliran bertutur yang telah diberikan oleh DJS. Pemilihan penutur berikutnya dengan cara menamakan menjadikan sasaran pemilihan dalam kalangan peserta perbualan lebih tepat. Penggunaan kata *silakan* juga menguatkan lagi cara DJS menamakan UZ sebagai penutur

JADUAL 7. Data Perbualan Penutur Semasa Meneruskan Perbualan dengan Cara Ambilan Giliran Slot *Usrah Nurani, Keajaiban Berlapar*

<i>Keajaiban Berlapar</i>	Data Perbualan	Ambilan Giliran Bertutur
Data perbualan 7	<p>DJS: ...berlapar, okey sebelum kita dapat kongsikan dihujung nanti apa ibrah yang boleh kita ambil melalui perbincangan ini mungkin UZ nak sambung sikit, silakan</p> <p style="text-align: right;">(00:00)</p> <p>UZ: :::</p> <p style="text-align: right;">(00:24)</p> <p>DJS: Okey kita raikan dulu, <i>fb//</i></p> <p style="text-align: right;">(00:26)</p> <p>UZ: /[Just] baca/</p> <p style="text-align: right;">(00:27)</p> <p>DJS: Kita baca dulu, ramai↑ sebenarnya yang dah like di <i>fb</i>, :::: peminat N petang ni ya Allah ramai sangat ni. :::: okey, antaranya yang berkongsi, katanya Alhamdulillah....</p> <p style="text-align: right;">(00:28)</p>	<p>DJS menamakan UZ sebagai penutur berikutnya</p> <p>UZ tidak mengambil giliran bertutur</p> <p>DJS mengambil semula giliran bertutur</p> <p>UZ membuat celahan bersifat sokongan</p> <p>DJS mengambil giliran bertutur dan meneruskan bual bicara</p>

berikutnya dengan memberi laluan kepada UZ untuk meneruskan bual bicara. Walau bagaimanapun, UZ yang masih tidak bersedia untuk mengambil giliran bertutur telah membuat kepanjangan fonem yang ditandai dengan simbol ::: dan tanpa mengujarkan sesuatu. Dalam situasi ini, DJS perlu memainkan peranan dengan meneruskan bual bicara supaya tidak menyebabkan berlakunya masa kesenyanpan yang akan menjelaskan kelancaran bual bicara. Oleh itu, DJS telah mengisi ruang tersebut dengan membacakan soalan yang diajukan oleh pendengar radio supaya dapat memberi ruang kepada UZ untuk bersedia sebelum mengambil giliran bertutur tersebut.

KESIMPULAN

Pengambilan giliran yang berlaku menerusi slot *Keajaiban Berlapar, Usrah Nurani* menunjukkan bahawa peserta perbualan mematuhi ketigatiga aturan pengambilan giliran yang dianjurkan oleh Liddicoat (2011). Apabila kesemua aturan tersebut dipatuhi oleh peserta perbualan maka bual bicara slot *Keajaiban Berlapar, Usrah Nurani* masih teratur dan terkawal. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa dua cara yang digunakan oleh penutur semasa menerusi slot *Keajaiban Berlapar, Usrah Nurani* ialah menamakan penutur berikutnya dan tanpa menamakan penutur berikutnya. Menurut Liddicoat (2011:93), cara panggilan nama yang merujuk kepada seseorang boleh digunakan untuk memilih penutur berikutnya. Walau bagaimanapun, keseluruhan data perbualan menunjukkan bahawa cara menamakan penutur berikutnya lebih cenderung digunakan oleh peserta perbualan kerana cara tanpa menamakan penutur berikutnya memerlukan penutur semasa mempunyai maklumat secara spesifik tentang penutur berikutnya. Hal ini kerana, menurut Liddicoat (2011) apabila penutur semasa memilih penutur berikutnya, peserta perbualan tersebut berhak memiliki hak untuk bercakap dan mendapat giliran untuk bertutur. Oleh itu, penutur semasa menerusi slot *Keajaiban Berlapar, Usrah Nurani* ini lebih cenderung untuk memilih penutur berikutnya dengan cara menamakan penutur berikutnya.

Seterusnya, penutur berikutnya pula lebih cenderung untuk mengambil giliran bertutur setelah dipilih oleh penutur semasa dengan membuat ambilan giliran berbanding celahan menyokong. Ambilan giliran merujuk pada penutur berikutnya yang bercakap dan menghuraikan sesuatu apabila giliran diberikan dengan panjang lebar manakala

celahan menyokong pula bersifat ambilan giliran secara sementara dan ujaran yang digunakan juga lebih ringkas. Pada masa yang sama, kecenderungan penutur berikutnya untuk mengambil giliran bertutur secara ambilan giliran atau celahan menyokong juga ditentukan oleh bentuk pertanyaan yang dikemukakan oleh penutur semasa. Hal ini kerana, penutur semasa yang memilih penutur berikutnya untuk tujuan penyerahan giliran bertutur menggunakan teknik bertanyakan soalan atau meminta perkongsian pengalaman daripada penutur berikutnya. Jika bentuk pertanyaan tertutup yang digunakan oleh penutur semasa untuk bertanyakan soalan kepada penutur berikutnya maka penutur berikutnya akan cenderung mengambil giliran bertutur secara celahan menyokong. Selain itu, jika penutur semasa mengajukan soalan dalam bentuk pertanyaan terbuka maka penutur berikutnya cenderung untuk mengambil giliran bertutur dengan ambilan giliran. Situasi ini selaras dengan kenyataan Asmah Haji Omar (2010:26-27), pertanyaan tertutup adalah pertanyaan yang memerlukan jawapan yang mempunyai nilai benar (*truth value*) seperti *ya* atau *tidak*, *betul* atau *salah*, *boleh* atau *tidak boleh* manakala pertanyaan terbuka pula, boleh mempunyai apa sahaja jawapan selain daripada jawapan nilai sebenar. Oleh hal yang demikian, dapatlah diringkaskan bahawa penutur berikutnya akan membuat ambilan giliran bertutur bergantung pada bentuk pertanyaan yang digunakan oleh penutur semasa pergantian giliran bertutur berlaku.

Bagi, aturan yang kedua, iaitu pemilihan diri sendiri sebagai penutur berikutnya didapati peserta perbualan menerusi slot *Keajaiban Berlapar, Usrah Nurani* lebih cenderung untuk membuat ambilan giliran berbanding melakukan celahan menyokong. Apabila penutur semasa tidak memilih mana-mana peserta perbualan sebagai penutur berikutnya maka peserta perbualan perlu mewakilkan diri sebagai penutur berikutnya. Namun, jumlah ambilan giliran menerusi keenam-enam slot menunjukkan bahawa peserta perbualan lebih kerap membuat ambilan giliran sebaik sahaja penutur semasa menamatkan ujarannya, ianya merupakan peluang untuk bercakap bagi peserta perbualan yang lain. Jika peserta perbualan tersebut jarang dipilih oleh penutur semasa sebagai penutur berikutnya maka pada masa ini merupakan peluang yang terbaik untuk memiliki giliran bertutur. Situasi ini berkait dengan peserta perbualan yang bersifat ekstrovert, iaitu individu yang gemar bercerita dan berminat untuk berkongsi segala pengalaman yang dimilikinya. Selaras dengan kenyataan Kahnweiler (2018:6), introvert

pula merupakan seorang individu yang mempunyai peribadi yang pemalu dan lebih cenderung untuk mendiamkan diri manakala ekstrovert pula individu yang lebih suka bercakap dan gemar melibatkan diri dalam aktiviti yang berkumpulan. Pada masa yang sama, Santos (2015:1) telah membuat perbezaan antara golongan ekstrovert dengan introvert ialah ekstrovert individu yang memberi tenaga manakala introvert individu yang menyimpan tenaga. Oleh sebab itu, individu yang ekstrovert akan lebih cenderung mengambil giliran bertutur sebaik sahaja penutur semasa menamatkan bual bicara tanpa memilih mana-mana peserta perbualan sebagai penutur berikutnya.

Manakala, penutur berikutnya dalam slot *Keajaiban Berlapar, Usrah Nurani* memilih untuk mengambil giliran bertutur dengan membuat celahan menyokong hanyalah berniat untuk membuat persetujuan, bantuan dan sokongan. Selaras dengan kenyataan Roslina Mamat (2012) yang mengatakan celahan tidak semestinya dianggap sebagai suatu yang negatif tetapi bertujuan untuk merancakkan perbualan dan menjalinkan hubungan yang harmoni dengan penutur semasa yang sedang bercakap. Hal ini kerana, masyarakat Malaysia kerap mencelah percakapan penutur semasa dengan bermaksud untuk memberi sokongan, sebagai tanda persetujuan ataupun sebagai isyarat bahawa mereka sedang mengikuti perbualan tersebut. Lakuan bahasa ini bersifat positif dan membantu proses tanya jawab tentang topik dalam bual bicara. Dapatkan kajian ini secara tidak langsung menolak kenyataan Murata (1994:387) yang menyifatkan celahan juga bersifat gangguan (*intrusive*). Tambahan lagi, celahan berhubung kait dengan kuasa yang merujuk pada penguasaan terhadap perbualan dan topik perbualan turut disanggah kerana hasil dapatkan kajian menunjukkan celahan bukan suatu yang negatif tetapi juga bersifat positif, iaitu dalam situasi untuk membantu penutur semasa dan juga memastikan kelancaran bual bicara apabila penutur semasa berhenti bercakap buat seketika.

Nur Amirah binti Che Soh
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia.
E-mel: miyranur@gmail.com

Diserahkan: 08 November 2019
Diterima: 20 Februari 2020

Akhir sekali, penutur semasa meneruskan perbualan hanya dengan cara ambilan giliran yang berlaku dalam slot *Keajaiban Berlapar, Usrah Nurani*. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa peserta perbualan menerusi slot *Keajaiban Berlapar, Usrah Nurani* tidak melepaskan giliran bertutur yang diberikan begitu sahaja. Dalam situasi ini, penutur berikutnya tidak berniat untuk melepaskan giliran bertutur yang diberikan tetapi penutur berikutnya tidak bersedia apabila giliran diserahkan. Oleh sebab itu, penutur semasa terpaksa mengambil semula giliran bertutur dan meneruskan bual bicara agar bual bicara tidak terhenti seketika. Setiap peserta perbualan dalam slot *Keajaiban Berlapar, Usrah Nurani* memainkan peranan masing-masing agar bual bicara dapat berjalan dengan lancar.

RUJUKAN

- Ädel, A. & Reppen, R. 2008. *Corpora and Discourse: The Challenge of Different Setting*. Amsterdam/Philadelphia: John Benjamin Publishing Company.
- Ahmad Mahmood Musanif & Arbak Othman. 2008. *Sosiolinguistik*. Kajang: Penerbit Pustaka Nusa Sdn. Bhd.
- Anggrayni, D., Badrul Redzuan Abu Hassan & Chang. 2018. Analisis strategi komunikasi ahli parliment dalam program siaran interaktif di Radio Republik Indonesia dan Radio Elshinta. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication* 34(3): 177-191.
- Asmah Haji Omar. 2010a. *Kajian dan Perkembangan Bahasa Melayu* (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2010b. *Wacana Temu Duga dan Wawancara* (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- B. Kahnweiler, J. 2018. *The Introvert Leader: Building on Your Quite Strength*. Berrett: Koehler Publishers.
- Drew, P. & Heritage, J. 2008. *Talk at Work*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Liddicoat, A. J. 2011. *An Introduction to Conversation Analysis*. London: Continuum International Publishing Group.
- Muhammad Ibn Abi Bakr Ibn Qayyim al-Jawziyah. 2005. *Penawar Hati yang Sakit* (Edisi Ketiga). Jakarta: Gema Insani.
- Murata, K. 1994. Intrusive or co-operative? A cross-cultural study of interruption. *Journal of Pragmatics* 21: 385-400.
- Nur Adiba Hasan & Sharifah Raihan Syed Jaafar. 2017. Struktur kata terbitan dalam dialek Terengganu. *Jurnal Akademika* 87(1): 165-175.
- Roslina Mamat, Hazlina Abdul Halim & Normaliza Abd Rahim. 2012. Celahan dalam perbualan pemandu pelancong Malaysia dan pelancong Jepun. *Gema Online® Journal of Language Studies* 12(3): 849-863.
- Saraswati, N & Hamsia, H. 2017. A Study of turn taking used in radio talk show under the topic “Gender Equality and Women’s Empowerment”. *TELL Journal*: 60-70.
- Santos, M. 2015. *An Introvert in an Extrovert World: Essays on The Quiet Ones*. United Kingdom: Cambridge Scholars Publishing.